

## **Terma dan syarat pertandingan**

- Penyertaan adalah percuma
- Penyertaan terbuka kepada individu/organisasi/institusi pendidikan **KECUALI** warga kerja Jabatan Penyiaran Malaysia.
- Setiap individu/organisasi/institusi pendidikan hanya dibenarkan menghantar tidak lebih dari tiga (3) penyertaan mereka bentuk mural sahaja
- Kos penghasilan reka bentuk mural ditanggung sepenuhnya oleh peserta
- Tema Mural Khas "RTM DIGITAL"
- Konsep mural hendaklah mempunyai unsur perkembangan RTM 75 tahun dan peralihan RTM dari analog ke digital.
- Mural yang dihasilkan hendaklah meliputi visual ke arah pendidikan, perkembangan teknologi, berdaya saing dan kreatif.
- Rekaan mural hendaklah berskala seperti yang ditetapkan iaitu 8 kaki x 122 kaki.
- Maklumat lengkap penyertaan boleh dilayari di pautan [www.rtm.gov.my](http://www.rtm.gov.my)
- Semua hasil karya 'WAJIB' dihantar mengikut dua arahan format seperti dibawah

- **Melalui email**

Salinan karya mural "softcopy" perlu dihantar dalam format CMYK

Format file: Jpeg/png

Resolusi: 72 dpi

Dimensi: 26352 pixels (lebar) x 1728 pixels (tinggi)

Letakkan link pautan karya mural 'asli' anda yang menggunakan format asal dalam adobe photoshop/illustrator atau perisian lain yang boleh dibuka melalui adobe.

Contoh : google drive/drop box/icloud dan lain-lain

Sila hantar semua di atas ke email [submitmuralrtm@gmail.com](mailto:submitmuralrtm@gmail.com)

- setiap salinan perlulah dilabel seperti dibawah  
NOKADPENGENALAN\_NAMA\_MURAL01.  
Contoh 800507125078\_AARON\_MURAL01. Jika terdapat lebih dari satu  
rekaan anda perlu masukkan MURAL02 dan MURAL 03.

- **Melalui pos**

Untuk alamat surat menyurat, alamat adalah seperti di bawah.

Bahagian Reka bentuk

Bilik Pereka Set

Tingkat G, Wisma TV Angkasapuri,

Jabatan Penyiaran Malaysia,

50614 Kuala Lumpur.

atau

- Karya mural boleh dihantar terus ke "mailbox" yang disediakan di lobi  
Wisma TV Angkasapuri.

- **Format penghantaran**

Rujuk format penghantaran melalui pos pada template contoh yang telah disediakan dan gunakan template kosong untuk pencetakan karya mural. Karya mural yang dicetak mestilah berwarna dan bersaiz A3. Karya tersebut perlu ditampal diatas mounting board mengikut saiz template yang diberi.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan pertandingan mural boleh terus email ke [pertanyaanmural@gmail.com](mailto:pertanyaanmural@gmail.com)